

20 MAR 1999

Mahathir-JE

KEGIATAN PENTERNAKAN BABI DI SELURUH NEGARA AKAN DISUSUN SEMULA

KUALA LUMPUR, 20 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kegiatan dan kawasan penternakan babi di seluruh negara akan disusun semula bagi memastikan masalah penyakit Japanese Encephalitis (JE) tidak berulang lagi.

Beliau berkata pihak yang berkenaan termasuk penternak sudah bersetuju dengan penyusunan semula kegiatan penternakan dan kawasan ladang babi, supaya bersih dan mempunyai sistem kumbahan yang sempurna.

"Sekarang ini semua orang bersetuju dengan penyusunan semula (ladang babi), dengan kebersihan...menjaga kawasan mesti bersih supaya tidak ada nyamuk, dengan vaksinasi binatang itu," katanya pada persidangan media selepas menyerahkan kunci apartmen kos rendah dan melancarkan projek perumahan apartmen kos sederhana di Taman Bunga Raya di Bukit Beruntung dekat sini.

Perdana Menteri berkata sekiranya penyusunan kegiatan ternakan dan kebersihan sentiasa dijaga dan penternak babi sanggup membayar sedikit, masalah seperti wabak JE yang melanda penternak babi di Bukit Pelandok dan Kampung Sungai Nipah, Port Dickson, tidak akan dihadapi.

"Bila kita cadang untuk menjaga kebersihan, ada yang tidak setuju itu dan ini," katanya.

Ditanya sama ada penyakit JE di Negeri Sembilan akan menjejaskan industri pelancongan di Port Dickson, Dr Mahathir berkata penyakit itu kini tertumpu di kawasan Bukit Pelandok dan Kampung Sungai Nipah dan kerajaan akan memastikan ia tidak merebak ke tempat lain.

Katanya pelancong yang hendak ke pantai Port Dickson tidak perlu ke kawasan Bukit Pelandok dan Sungai Nipah.

Bagaimanapun, katanya kerajaan memerlukan kerjasama pihak-pihak tertentu khususnya penternak sekiranya ternakan babi mereka perlu dimusnahkan, mereka perlulah bersetuju.

Mengenai langkah pencegahan yang diambil kerajaan setakat ini, beliau berkata setiap langkah yang perlu seperti membunuh sumber virus daripada puncanya iaitu babi, membunuh vektor pembawa iaitu nyamuk Culex serta pemvaksin terhadap penduduk di sekitar kawasan berkenaan dan babi telah dilakukan.

"Kerajaan sudah belanjakan RM49 juta setakat ini dan kita akan belanja lagi," katanya.

Mengenai pampasan kepada penternak bagi babi mereka yang dibunuh, Dr Mahathir berkata: "Berkenaan dengan soal pampasan itu, kita akan buat melalui loteri iaitu satu cabutan untuk tujuan mengumpulkan wang bagi membayar pampasan (kepada penternak babi terbabit)."

Ditanya mengenai cara kerajaan menangani masalah penyakit berjangkit, yang hanya menubuhkan pasukan pengurusan krisis secara sementara, Perdana Menteri berkata masalah yang dihadapi ialah negara kekurangan doktor.

Katanya tidak ramai yang berminat menjadi doktor kerana profesion itu susah dan seseorang itu mengambil masa yang lama untuk mempelajari ilmu perubatan dan gaji doktor yang berkhidmat dengan kerajaan adalah rendah.

"Jadi apabila berlaku perkara macam ini, kita tahu apa penyelesaiannya. Sebelum jadi siapapun tidak tahu... tidak ada siapa beritahu saya, bila ada JE kita perlu tembak (bunuh) babi-babi," katanya.

Beliau berkata kerajaan tidak boleh mempunyai satu jawatankuasa yang tetap, tetapi sekadar jawatankuasa sementara.

Katanya pasukan petugas khas yang diketuai Menteri Kesihatan Datuk Chua

Jui Meng serta membabitkan dua menteri

- Kementerian Pertanian dan Kementerian Perumahan dan

Kerajaan Tempatan serta tiga timbalan menteri yang membabitkan Kementerian Pertahanan, Kementerian Penerangan dan Kementerian Dalam Negeri sudah cukup bagi menangani isu itu.

-- BERNAMA

HS RI